

16 NOV 1998

Umno-Temuduga (Bergambar)

LIMA LAGI ANGGOTA UMNO AKAN DITEMUDUGA RABU INI

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Lima lagi anggota Umno yang diberi surat tunjuk sebab mengapa mereka tidak boleh dikenakan tindakan kerana melanggar disiplin parti akan ditemuduga oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno Rabu ini bagi membolehkan mereka memberi penjelasan.

Setiausaha Agung parti Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini berkata mereka adalah antara 11 orang yang dikehendaki berbuat demikian dan menambah bahawa enam orang yang lain telah ditemuduga Rabu lepas

Sabbaruddin berkata kesemua mereka adalah antara 25 anggota Umno yang telah menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada mereka.

Katanya 14 orang lagi yang menjawab surat tunjuk sebab itu telahpun memberi jawapan yang memuaskan dan sehubungan itu mereka tidak akan ditemuduga oleh Jawatankuasa itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Globe Facility Services Incorporated bagi mewujudkan syarikat usahasama Arena Sentral Sdn Bhd, di sini.

Beliau berkata kriteria pemilihan mereka yang ditemuduga ialah berdasarkan jawatan yang dipegang dalam parti .

Pada minggu lepas seorang bekas Ketua Pemuda Umno, tiga ketua bahagian, seorang pemangku ketua bahagian dan seorang ketua pemuda bahagian telah dipanggil untuk ditemuduga.

Anggota yang telah ditemuduga ialah bekas Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar, Ketua Bahagian Pasir Puteh Kamaruddin Mohd Nor, Ketua Bahagian Bandar Tun Razak Tamunif Mokhtar, Pemangku Ketua Bahagian Permatang Pauh Datuk Ahmad Saad dan Ketua Pemuda Bahagian Petaling Selatan Mohamed Ali Omar.

Mengulas mengenai pemilihan Umno tahun depan, Sabbaruddin berkata parti tidak akan menyekat anggotanya daripada bertanding terutama bagi jawatan timbalan presiden dan Naib Presiden Umno.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak pernah mengadakan sebarang perbincangan tentang kemungkinan melarang anggota Umno daripada bertanding, katanya.

Ditanya tentang dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Umno memegang 80 peratus saham dalam MRCB, Sabbaruddin berkata parti tidak akan membuat sebarang kenyataan rasmi tentang perkara itu.

Perkara itu tidak memerlukan sebarang penjelasan daripada parti kerana orang ramai boleh menentukan kesahihan dakwaan berkenaan dengan menyemak sendiri kepada Pendaftar Syarikat, katanya.

-- BERNAMA

NY FAZ